

TARIKH: 16/3/2023
SURAT KHABAR: *utusan Malaysia*
MUKA SURAT: 9

Kos amah Indonesia RM15,000 tidak masuk akal

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kemasukan pembantu rumah dari Indonesia ke negara ini masih tertangguh memandangkan agensi di kedua-dua negara belum memuktamadkan kos yang ditetapkan bagi pengambilan setiap Pekerja Domestik Indonesia (PDI).

Ini kerana kos yang ditetapkan, RM15,000, disifatkan tidak masuk akal malah mengakibatkan kerugian kepada agensi pekerjaan di Malaysia apabila sebahagian besar daripada kos itu atau kira-kira RM12,000 terpaksa dibayar kepada agensi pekerjaan di Indonesia.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Agung Pertubuhan Kebangsaan Agensi Perkhidmatan Swasta Malaysia (Papsma), Dr. Sukumaran Nair berkata, ia menjadi pertikaian apabila agensi di negara ini

hanya menerima bayaran sekitar RM3,000 sedangkan mereka terpaksa menanggung banyak kos pengurusan lain seperti visa, passport serta kos-kos lain yang perlu diselesaikan di sini.

Jelasnya, ia menyebabkan banyak agensi pekerjaan tidak mahu terlibat dalam menguruskan pengambilan tersebut kerana langsung tidak memberikan keuntungan walaupun jumlah amah yang diperlukan di negara ini adalah sekitar 150,000 orang.

“Agensi pekerjaan Indonesia mengaut keuntungan berlebihan sehingga RM12,000 hanya semata-mata memenuhi syarat wajib menjalani latihan dua bulan sebelum datang ke Malaysia.

“Sedangkan kita tahu urusan lain bagi pengambilan amah tidak sampai RM200, tapi agensi perekrutan pekerja ini mengenakan kos tinggi kononnya atas dasar memberi latihan.

“Atas sebab ini agensi di sini tak sanggup urus perkhidmatan itu kerana keuntungan terlalu sedikit dan kita pula kena tanggung kebajikan setiap amah yang dibawa masuk selama mana mereka tinggal di Malaysia. Ini tak adil,” katanya.

Beliau berkata, sejumlah 750 agensi di bawah Papsma yang berlesen masih belum membawa masuk PDI memandangkan sistem permohonan iaitu Sistem Maid Online dan Sistem Pengurusan Berpusat Pekerja Asing (FW-CMS) tergendala mengakibatkan kelewatan masuk sehingga dua bulan.

Katanya, oleh kerana itu, ada majikan membawa masuk PDI secara tidak sah ke Malaysia menggunakan visa pelancong dan ‘simpan’ mereka sehingga dua ke tiga tahun serta hanya perlu membayar kompaun sebelum menghantar pulang.



Berenang merentasi laut terbuka

TERENGGANU yang terkenal dengan pelbagai destinasi menarik terutama laut dan pulau-pulau sentiasa menjadi tumpuan dari seluruh dunia termasuk untuk penganjuran acara sukan yang berkaitan dengan alam semula jadi.

Baru-baru ini telah berlangsung acara renang merentasi lautan terbuka dikenali sebagai Kapas Marang Swimathon 2023 sejauh 6.5 kilometer dari

Pulau Kapas ke Marang. Ia yang dianjurkan oleh Kelab Renang AMMJB Elite Swimmer itu menarik tumpuan peserta tempatan dan antarabangsa.

■ PARA peserta Kapas-Marang Swimathon 2023 berlepas dari Pulau Kapas untuk berenang ke Pantai Kelulut, di Marang sejauh 6.5 kilometer. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY